

MSD catat lebih dua juta tontonan

KUALA LUMPUR – Minggu Saham Digital (MSD) anjuran Permodalan Nasional Bhd. (PNB) telah berjaya meraih 2.2 juta tontonan terkumpul di laman rasminya menerusi saluran Facebook, YouTube dan laman web.

MSD memperoleh 7.5 juta capaian unik di Facebook, manakala laman web rasminya telah dikunjungi sebanyak 1.3 juta kali.

Pelbagai aktiviti yang diadakan turut mendapat sambutan yang mana peraduan Eh Mana Kod? telah menerima lebih daripada 540,000 penyertaan daripada lebih 27,000 peserta dan konsert mega maya, Pass the Mic! mencatatkan lebih daripada 80,000 tontonan.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulfarnain Onn berkata, pihaknya sangat berbesar hati dengan penerimaan luar biasa MSD yang



AHMAD ZULFARNAIN pada majlis pengumuman pemenang MSD secara maya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

judul kali diadakan.

"Ia melebihi jangkaan kami dan langkah pengurusan minggu saham secara digital telah membantu PNB memperluas jangkauan kepada lebih ramai rakyat Malaysia," katanya pada majlis pengumuman pemenang MSD yang diadakan secara maya baru-baru ini.

MSD yang diadakan secara maya pada 18 hingga 24 November lalu merupakan adaptasi digital kepada Minggu Saham Amanah Malaysia yang telah dianjurkan secara tahunan sejak 20 tahun lalu.

Membawa tema #Labur-Bersama, program berkonsep hiburan dan didik itu bertujuan meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat menerusi pelbagai acara memfokuskan pelaburan serta kepentingan merancang kewangan.